

Bil. S 15

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah di bawah bab 83(3) dan (5))

PERINTAH DARURAT (PERBEKALAN TAMBAHAN) (1999) (BIL. 1), 1999

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan satu Pemasyhuran Darurat bertarikh 27 haribulan Jun, 1998 telah mengisytiharkan satu keadaan darurat dalam seluruh Negara ;

DAN BAHAWASANYA adalah dipersyaratkan oleh ceraian (3) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa apabila satu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran itu masih berkuatkuasa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bolehlah membuat sebarang Perintah yang Baginda fikirkan perlu bagi kepentingan awam ;

DAN BAHAWASANYA adalah dipersyaratkan oleh ceraian (5) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa kuasa-kuasa tersebut akan termasuk kuasa membuat peruntukan kewangan yang boleh jadi diperlukan di sepanjang tempoh darurat termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam ;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang tiga ribu, lima ratus sembilan puluh enam juta, satu ratus lapan puluh tujuh ribu dan tiga ratus lapan puluh ringgit (\$3,596,187,380.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Darurat (Perbekalan) (1999), 1998 ;

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak tiga ratus enam puluh lima juta, tujuh ratus tujuh puluh tujuh ribu dan enam ratus tujuh puluh ringgit (\$365,777,670.00) ;

SEKARANG, DARI ITU, dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Baginda oleh ceraian-ceraian (3) dan (5) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah membuat Perintah seperti berikut :-

Gelaran.

1. Perintah ini bolehlah digelar sebagai Perintah Darurat (Perbekalan Tambahan) (1999) (Bil. 1), 1999.

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi tiga ratus enam puluh lima juta, tujuh ratus tujuh puluh tujuh ribu dan enam ratus tujuh puluh ringgit (\$365,777,670.00) daripada Kumpulanwang Yang Disatukan adalah dengan ini dibenarkan. Perbelanjaan
Tambahan
bagi Tahun
1999.
- (2) Wang tersebut adalah diperuntukkan bagi tujuan-tujuan seperti yang dinyatakan dalam Jadual. Memperuntuk-
kan.

JADUAL

Tajuk	Gelaran	Jumlah Yang Diperuntukkan
KEMENTERIAN KEWANGAN		
S.D1	Jabatan Kementerian Kewangan	\$ 26,270,291.00
S.D52	Perkhidmatan Rampaian	\$339,507,379.00
		<u>\$365,777,670.00</u>

Diperbuat pada hari ini 7 haribulan Zulhijah, 1419 Hijrah bersamaan dengan 25 haribulan Mac, 1999, di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM